

Lafaz ikrar ibarat seperti bai'ah

IBR tidak boleh dianggap satu perkara biasa ataupun sekadar janji mainan semata-mata

ROSMIZA KASIM

KOTA BHARU - Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang dilafazkan oleh semua pihak selama ini tidak boleh dianggap sebagai satu perkara biasa ataupun sekadar janji-janji mainan semata-mata.

Timbalan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan, Rostam Abu Hassan menegaskan perkara tersebut berkata, ikrar berkenaan bukan setakat disebut di mulut sahaja tetapi berjanji dengan ALLAH SWT.

"Ikrar yang dibuat ini bukan perkara main-main. Ini lebih kurang macam bai'ah. Jangan kaitkan dengan politik pula.

"Bila lafaz ikrar kita telah berjanji dari hati bukan sahaja dengan SPRM, agensi tempat kerja tetapi kita berjanji dengan Pencipta," katanya dalam ucapannya di sini semalam.

Belau hadir menyampaikan ceramah bebas rasuah dan menyaksikan IBR melibatkan 341 warga Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara (LKTN) di Kubang Kerian

INFO

• Seramai 341 warga Lembaga Kenaf dan Tembaku Negara terlibat dalam program itu

yang turut disertai Ketua Pengarah LKTN, Samsudin Noor.

Dalam pada itu, Rostam turut memuji keberanian warga LKTN yang melafazkan IBR sebagai sokongan untuk bersama-sama menolok daripada terlibat dengan gejala tidak bermoral tersebut.

"Mudah untuk kita elak daripada terlibat dengan rasuah. Kita jangan amalkan tabiat suka hulu, kautim (bersubabhat) dan setel (boleh selesai dengan mudah) bila kita tidak mulakan bibit-bibit begini maka rasuah tidak akan berlaku," katanya.

Sementara itu, Samsudin ber-tegas, pihaknya sejak ditubuhkan lagi tidak pernah berkompromi dengan mana-mana kakitangan yang terjebak dengan penyelewengan mahupun salah guna kuasa.



Warga LKTN berikrar bersama-sama memerangi rasuah dan menolok gejala tidak bermoral tersebut.

"Kita juga diberikan peruntukan yang besar oleh kerajaan dan tanam-kan kenaf menjadi komoditi eksport baharu negara, jadi saya mahukan semua kakitangan yang bertugas menjalankan tanggungjawab me-reka penuh amanah," katanya.

Tambah beliau, LKTN memainkan peranan besar dalam menyediakan bantuan kepada kumpulan sasaran terutamanya penanam kenaf dan mengawal selia aktiviti tanam tembaku yang mana jika tidak di-pantau dengan baik kemungkinan

berlaku penyalahgunaan kuasa. "Saya sentiasa ingatkan kaki-tangan saya agar pastikan semua bantuan atau insentif disediakan kerajaan sampai kepada golongan sasaran tanpa berlaku perkara men-curigakan," katanya.